

# JAWAPAN

# KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEBENAR SPM 2021-2024

## PENDIDIKAN ISLAM

### SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

- 1 (a) (i) **Dua** ciri mukmin yang berjaya :
  - Khusyuk dalam solat
  - Menjauhi perkara yang sia-sia
  - Menunaikan zakat
  - Beriman kepada Allah SWT
- (ii) **Dua** sebab Islam menyuruh menjaga kehormatan diri :
  - Terhindar daripada maksiat dan zina
  - Umat Islam akan dipandang mulia oleh umat-umat yang lain.
  - Mengelakkan diri dari penyakit sosial

*Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima*
- (iii) **Dua** pengajaran daripada ayat :
  - Kita hendaklah menunaikan solat dengan khusyuk / **agar** menjadi hamba yang bertakwa.
  - Kita hendaklah menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia / **agar** dapat meningkatkan kualiti kerja.
  - Kita hendaklah berusaha untuk menunaikan zakat / **agar** dapat membantu perkembangan ekonomi umat Islam.
  - Kita hendaklah sentiasa memelihara solat / **untuk** melahirkan individu yang berdisiplin.
  - Kita hendaklah menjaga amanah dan janji / **agar** integriti muslim terpelihara.
- (b) (i) **Dua** dosa besar selain sihir :
  - Syirik
  - Qazaf
  - Membunuh
  - Makan riba
  - Makan harta anak yatim
  - Lari daripada medan perang
- (ii) **Dua** nama surah :
  - Surah Al-Fatihah
  - Surah al-Ikhlâs
- (iii) **Dua** pengajaran daripada hadis :
  - Kita hendaklah memelihara diri daripada perbuatan syirik / **kerana** syirik boleh merosakkan akidah.
  - Kita hendaklah menghindari diri daripada perbuatan membunuh / **kerana** membunuh melanggar hak asasi manusia
  - Kita hendaklah bersikap amanah dalam menguruskan harta anak yatim / **untuk** memelihara hak orang lain
  - Kita hendaklah menghindari diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti / **supaya**

- maruah umat Islam terpelihara.
- Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara / *supaya* Islam dapat ditegakkan.

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima**

(c)

| Hukum                 | Cara bacaan                  |
|-----------------------|------------------------------|
| السَّحْرِ Ra' Tafkhim | Menebalkan bunyi sebutan Ra' |
| الشِّرْكَ Ra Tarqiq   | Menipiskan bunyi sebutan Ra' |

- 2 (a) (i) Maksud al-Jabbar :
- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak/ (1m) untuk melakukan segala kehendak-Nya. (1m)
- (ii) **Dua** bukti Allah SWT bersifat al-Jabbar:
- Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam.
  - Setiap perbuatan Allah SWT tidak boleh dipersoalkan kerana mengandungi hikmah yang tersembunyi.
  - Semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah SWT
- (iii) Hujah Allah SWT al-Jabbar :

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor                                                                                                                                                             | Skor |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan satu bukti sahaja.                                                                                                                                          | 1 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.                                                                                                                             | 2 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/ akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.                                               | 3 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/ akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m  |

**Cadangan Jawapan :**

Bukti Allah SWT terhadap ciptaan-Nya. *Hal ini kerana*, semua makhluk berada dalam pemerintahan-Nya. *Kesannya*, semua planet berada dan beredar mengikut paksi yang ditetapkan oleh Allah

- (b) (i) Pengertian Ahli Sunnah wal Jamaah:
- Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah / (1m) menerusi para sahabat dan tabiin serta tabi' tabiin dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak. (1m)
- (ii) **Dua** aliran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah :
- Syiah
  - Khawarij
  - Muktaizilah
- (iii) **Dua** prinsip akidah Ahli Sunnah wal Jamaah:
- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan anggota
  - Menyakini perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT
  - Menyakini kewujudan perkara-perkara ghaib
  - Menyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk

- 3 (a) (i) Maksud muamalat Islam :
- Hukum syarak yang dikaitkan dengan urusan kewangan/(1m) seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.(1m)
- (ii) **Empat** jenis akad :
- Pertukaran
  - Kebajikan
  - Perkongsiam
  - Agen

| Muamalat Islam                         | Konvensional                                      |
|----------------------------------------|---------------------------------------------------|
| Sumber dalil al-Quran dan as-Sunnah.   | Bersumber teori dan pemikiran manusia semata-mata |
| Mengharamkan riba                      | Mengamalkan riba                                  |
| Bebas daripada unsur judi dan gharar   | Mengandungi unsur judi dan gharar                 |
| Berteraskan keimanan kepada Allah SWT. | Berteraskan keuntungan dan kekayaan               |

- RUBRIK JAWAPAN :**

15/5/2025 2:52:48 PM

**Cadangan Jawapan:**

- Melaporkan setiap perlakuan yang mencurigakan dan mempunyai unsur jenayah kepada pihak berkuasa. Hal ini kerana, membantah kemungkaran adalah tanggungjawab bersama. Contohnya, menggunakan teknologi terkini dengan merakam atau mengambil gambar sebagai bukti perlakuan jenayah berlaku dalam pemerhatian kita. Kesimpulannya, kita hendaklah menjadi masyarakat yang bekerjasama membantah jenayah supaya negara akan aman dan makmur.

**Cadangan isi :**

- Menganjurkan acara kemasyarakatan
- melaporkan setiap perlakuan yang mencurigakan dan mempunyai unsur jenayah kepada pihak berkuasa

**4 (a) (i) Dua khalifah yang terkenal dalam kerajaan Abbasiyah :**

- Abu al-Abbas bin Muhammad bin Ali as-Saffah
- Abu Jaafar Abdullah Muhammad bin Ali Mansur
- Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abbas
- Al-Makmun bin Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi

**(ii) Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek ekonomi :**

- Kedudukan Baghdad di tengah-tengah laluan perdagangan dari timur dan barat sebagai pusat tumpuan aktiviti perdagangan.
- Sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan berjaya mendominasi pasaran antarabangsa
- Inisiatif khalifah membina empangan, pusat-pusat perniagaan dan rumah api sebagai prasarana pertanian dan perdagangan
- Sumber dan pengurusan Baitul Mal yang sistematik

**(iii) Hujah untuk menyokong pernyataan :**

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor                                                                                                                                                            | Skor |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan satu bukti sahaja.                                                                                                                                         | 1 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.                                                                                                                            | 2 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.                                               | 3 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m  |

**Cadangan Jawapan:**

Ya, Allah SWT meminta umat-Nya mengkaji dan mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku. Hal ini kerana, untuk menjadi peringatan dan membaiki kelemahan umat terdahulu. Kesannya, generasi baru mengambil iktibar dan berusaha untuk mencapai kejayaan yang baru. Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri supaya terhindar daripada kejahilan.

**(b) (i) Riwayat hidup ringkas Hassan al-Banna :**

- Nama penuh : Hassan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad al-Banna
- Tarikh lahir : 25 sya'ban 1323 H / 14 oktober 1906
- Tarikh wafat : 1368H / 12 februari 1949
- Jawatan : Mursyid Al-Amam ikhwan al-Muslimin

- (ii) **Tiga** sumbangan Hassan al-Banna :
- Menghasilkan karya-karya agung seperti Muzakirah Ad-dakwah wal Daieyah
  - Mengasaskan pertubuhan
- (iii) **Dua** iktibar daripada kegigihan Hassan al-Banna dalam menyebarkan dakwah Islam :
- Kita hendaklah mencontohi kegigihan beliau dalam menuntut ilmu /**kerana** kecintaannya terhadap ilmu
  - Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah /**agar** masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
  - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki / **agar** dapat memberikan manfaat kepada agama,bangsa dan negara.

5 (a) (i) Maksud raja' :

- Mengharapkan keredhaan Allah SWT/(1m) dengan melaksanakan segala perintah-Nya.(1m)

(ii) **Dua** cara untuk mendapat sifat khauf :

- Bergaul dengan ulamak dan para solihin
- Sentiasa mengambil iktibar daripada kisah kaum terdahulu
- Sentiasa bertaubat kepada Allah SWT
- Sentiasa mengingati mati

(iii) Konsep khauf dan raja' yang seimbang :

- Perasaan terhadap balasan neraka akan menjadi benteng /kerana takut untuk melakukan maksiat.
- Perasaan raja' akan mendorong seseorang untuk berlumba-lumba melakukan ibadah

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima**

(iv) Pandangan tentang konsep khauf :

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor                                                                                                                                                            | Skor |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan satu bukti sahaja.                                                                                                                                         | 1 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.                                                                                                                            | 2 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.                                               | 3 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m  |

**Cadangan Jawapan:**

- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT. **Hal ini kerana**,sifat khauf yang dimiliki akan menjadi benteng kepada kemungkar. **Kesannya**, kita akan berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan. **Kesimpulanya**, **kita hendaklah** menjadi orang yang mengharapkan keredhaan Allah SWT **supaya** mendapat ganjaran syurga.

(b) (i) Maksud :

- 1) Hasad : Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang (1m)/dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya. (1m)
- 2) Ujub : Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan (1m)/ yang ada pada diri sendiri (1m)

(ii) **Dua** cara meninggalkan sifat mazmumah :

- Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah
- Sentiasa muhasabah diri
- Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka kemegahan dunia
- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT
- Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima**

(iii) **Dua** hikmah meninggalkan sifat mazmumah terhadap individu :

- Membentuk akhlak mulia dalam diri muslim
- Mendidik jiwa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT
- Memupuk jati diri muslim bersifat mahmudah
- Mendapat ketenangan hidup

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima**

(iv) Pandangan sekiranya perbuatan riak dibiarkan berleluasa :

**RUBRIK JAWAPAN :**

| Deskriptor                                                                                                                                                            | Skor |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan satu bukti sahaja.                                                                                                                                         | 1 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.                                                                                                                            | 2 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.                                               | 3 m  |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m  |

**Cadangan Jawapan:**

- Sifat sombong ini menjadi punca tercetusnya penyakit-penyakit batin (mazmumah). **Hal ini kerana**, sikap tersebut membawa kepada penindasan, diskriminasi dan penzaliman. **Kesanya**, lahir masyarakat yang saling berdendam, hina-menghina, kata-mengata dan jatuh-menjatuhkan antara satu sama lain. **Kesimpulannya, kita hendaklah** menjauhi sikap mazmumah dalam diri **supaya** menjadi muslim yang sejati.

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

1 (a) (i) Maksud dakwah :

- Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya
- Amar makruf nahi munkar
- Menyeru manusia supaya takut kepada Allah
- Mengajak melakukan kebaikan

**Kata kunci :** menyuruh/mengajak/menyebarkan

**Jawapan tidak diterima :** Menyeru orang melakukan amalan

(ii) **Dua** pendekatan berdakwah selain bil hikmah :

- Memberi nasihat yang baik / memberi teguran / kata-kata yang lemah-lembut
- Menunjukkan contoh teladan yang baik / menunjukkan akhlak yang baik
- Berbahas dengan cara yang baik / berhujah / berbincang dengan cara yang baik

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.**

- Menghasilkan karya/ novel/ filem yang baik
- Bercerita tentang kisah umat terdahulu
- Melalui percakapan yang baik
- Melalui penerapan Islam dalam kehidupan
- Menyeru menzahirkan ketakutan terhadap Allah
- Berdoa supaya dijauhkan daripada dosa
- Menyeru untuk beramal soleh

**Jawapan tidak diterima :**

- Melakukan amal soleh
  - Melalui percakapan dan perbuatan
  - Menyebarkan ilmu pengetahuan
- (iii) **Dua** pengajaran ayat :
- Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah ialah sunah Rasulullah SAW
  - Dakwah merupakan sunah Rasulullah SAW yang mesti diteruskan
  - Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain
  - Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup agar hidup diberkati Allah SWT
  - Kita hendaklah mencegah kemungkaran agar imej agama Islam terpelihara

***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.***

- (b) (i) **Dua** golongan yang mendapat naungan Allah selain pemimpin yang adil :
- Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT.
  - Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.
  - Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.
  - Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.
  - Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.
  - Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitikkan air mata.

***Jawapan tidak diterima***

- Membenci maksiat
  - Selalu ke masjid
- (ii) **Dua** pengajaran hadis :
- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah
  - Kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan mendekatkan diri kepada Allah agar usia remaja tidak sia-sia
  - Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan dan memakmurkan masjid agar syiar Islam dapat ditegakkan
  - Kita hendaklah saling mengasihi supaya masyarakat hidup aman damai
  - Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat agar selamat daripada kemurkaan Allah
  - Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa
  - Kita hendaklah melazimi zikrullah agar jiwa kita tenang
- (iii) Hujah untuk membenarkan pernyataan :

| Kriteria                                                                                                                                  | Skor |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan hujah sahaja                                                                                                                   | 1m   |
| Menjelaskan hujah beserta huraian ringkas                                                                                                 | 2m   |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi                                                 | 3m   |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m   |

***Cadangan jawapan :***

- Menerima sokongan padu daripada rakyat
- Memimpin negara dan masyarakat hidup aman dan harmoni
- Memacu pembangunan negara dan memantapkan ekonomi

(c) **Dua** bahagian mad silah :

- Mad silah towilah / Mad silah panjang / panjang
- Mad silah qasirah / Mad silah pendek / pendek

2 (a) (i) **Dua** contoh perkara yang boleh membatalkan iman :

- Mengingkari kewujudan Allah SWT
- Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak
- Sujud kepada berhala / pokok / kubur
- Melakukan upacara ajaran lain
- Mengatakan ‘Saya tidak percaya adanya malaikat’
- Mengatakan ‘Rasulullah SAW melakukan dosa’
- Menyanjung maksiat
- Menghina ulama / Mempersendakan Islam

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.**

**Jawapan tidak diterima :**

- Sihir / Santau / Melakukan maksiat

(ii) **Dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman :

- Mendalami ilmu akidah Islam (1m) supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur (1m)
- Bersahabat dengan orang soleh (1m) agar dapat membimbing ke arah kebaikan (1m)
- Berdoa memohon petunjuk Allah SWT (1m) agar istiqamah atas agama Islam (1m)
- Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan Allah SWT (1m) atas dosa-dosa yang dilakukan (1m)
- Melakukan amalan soleh (1m) yang boleh mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT (1m)
- Mengkaji dan memastikan ilmu yang dipelajari berdasarkan al-Quran dan al-Sunah (1m) agar terhindar daripada kesesatan (1m)

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.**

(iii) Pandangan tentang rakan yang menggunakan khidmat sihir :

| Kriteria                                                                                                                                  | Skor |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan hujah sahaja                                                                                                                   | 1m   |
| Menjelaskan hujah beserta huraian ringkas                                                                                                 | 2m   |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi                                                 | 3m   |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m   |

**Cadangan jawapan :**

- Menasihati rakan menjauhi perbuatan khurafat
- Mencadangkan rawatan alternatif dengan berjumpa pengamal perubatan Islam
- Mengajak rakan mempelajari ilmu agama supaya tidak mensyirikkan Allah SWT.

(b) (i) Maksud al-Syahid :

- Allah SWT maha menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya.

- (ii) **Dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid :
- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya
  - Allah SWT maha menyaksikan dan menghitung segala amal perbuatan manusia
  - Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau tersembunyi
  - Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik
- (iii) **Dua** tindakan yang akan dilakukan oleh orang yang beriman dengan al-Syahid :
- Menjaga hubungan baik dengan Allah SWT (1m) agar hidup diberkati (1m)
  - Menjaga hubungan baik sesama makhluk (1m) agar silaturrahim terjalin (1m)
  - Melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas (1m) supaya hasil kerja berkualiti (1m)
  - Menepati janji yang dibuat (1m) kerana yakin akan penyaksian Allah SWT (1m)
  - Menghindari perbuatan maksiat (1m) kerana takut dengan pembalasan Allah SWT (1m)
  - Berkata benar dalam semua perkara (1m) kerana Allah SWT menghitung segala amalan (1m)

3 (a) (i) Had umur :

- (1) Unta : 5 tahun dan ke atas
- (2) Lembu : 2 tahun dan ke atas

(ii) **Dua** perbezaan antara ibadat korban dan akikah :

| Korban                                                                   | Akikah                                                                   |
|--------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| Tujuan menghampirkan diri kepada Allah SWT                               | Melahirkan kesyukuran kerana kelahiran anak                              |
| Masa melaksanakan pada 10 Zulhijjah / Hari Raya Aidiladha / Hari Tasyrik | Bila-bila masa / Hari ketujuh selepas kelahiran bayi                     |
| Pembahagian afdhal daging mentah                                         | Afdhal daging yang telah dimasak                                         |
| Bilangan binatang tidak ditentukan                                       | Bilangan ditentukan 2 bahagian bagi lelaki dan 1 bahagian bagi perempuan |

(iii) Pandangan tentang pelaksanaan akikah bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan :

| Kriteria                                                                                                                                 | Skor |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan hujah sahaja                                                                                                                  | 1m   |
| Menjelaskan hujah beserta huraian ringkas                                                                                                | 2m   |
| Menghuraikan hujah beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi                                                 | 3m   |
| Merumus hujah beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m   |

**Cadangan jawapan :**

- Boleh diteruskan berhutang dengan syarat mampu bayar
- Ditangguhkan sehingga betul-betul berkemampuan
- Harus berhutang untuk melaksanakannya

- (b) (i) Pengertian walimatul urus :
- Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan
  - Kenduri kahwin / kenduri nikah
  - Majlis perkahwinan / pernikahan
- (ii) **Dua** tujuan pensyariatan walimatul urus :
- Melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT
  - Melahirkan rasa kegembiraan kepada pasangan suami isteri
  - Merapatkan hubungan silaturrahim kedua belah pihak
  - Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk mengelakkan fitnah
  - Mengikut sunnah Rasulullah SAW
- (iii) Hukum :
- (1) Harus/sah
  - (2) Sunat
- (iv) Pendapat tentang tuntutan adat vs agama dalam perkahwinan :

| Kriteria                                                                                                                                  | Skor |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan hujah sahaja                                                                                                                   | 1m   |
| Menjelaskan hujah beserta huraian ringkas                                                                                                 | 2m   |
| Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi                                                 | 3m   |
| Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m   |

**Cadangan jawapan :**

- Hendaklah mengutamakan agama dengan mengutamakan perkara wajib
- Perkara yang berkaitan adat hendaklah dielakkan jika boleh menyebabkan pembaziran
- Adat boleh dilaksanakan sekiranya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam

- 4 (a) (i) **Dua** orang khalifah daripada khulafa al-Rashidin :
- Khalifah Abu Bakar al-Siddiq
  - Khalifah Umar bin al-Khattab
  - Khalifah Uthman al -Affan
  - Khalifah Ali bin Abi Talib
- (ii) **Dua** pencapaian khulafa al-Rashidin dalam memperkasakan bidang pendidikan:
- Mengumpul dan menulis naskhah al-Quran
  - Menubuhkan sekolah iaitu al-kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak
  - Menyelaraskan bacaan dan penulisan mushaf Uthmani
- (iii) **Dua** iktibar daripada pemerintahan khulafa al-Rashidin:
- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah (1m) dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara (1m)
  - Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah (1m) agar kebenaran Islam dapat disebarkan (1m)
  - Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam (1m) dengan memelihara hak antara satu sama lain (1m)
  - Kita hendaklah menyumbangkan kepakaran (1m) untuk pembangunan dan kemajuan negara (1m)

**Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.**

- (b) (i) **Dua** orang sultan kerajaan Uthmaniyah yang terkenal :
- Sultan Uthman Ertughrul
  - Sultan Murad I bin Urkhan
  - Sultan Muhammad al-Fateh bin Murad II
  - Sultan Sulaiman al-Qanuni
- (ii) **Dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dalam aspek pentadbiran :
- Pemerintah berperanan dengan berkesan (1m) sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi (1m)
  - Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan (1m) dengan dibantu oleh pegawai pentadbiran (1m)
  - Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia (1m) apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosporus (1m)
- (iii) **Dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah:
- Memilih pemimpin yang berwibawa penting (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar (1m)
  - Sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu (1m) agar mampu bersaing diperingkat antarabangsa (1m)
  - Sentiasa menghayati semangat cinta akan negara (1m) agar rela berkorban mempertahankannya daripada musuh (1m)
  - Sentiasa berpegang dengan ajaran Islam (1m) supaya hidup diberkati Allah SWT (1m)
  - Menolak campur tangan asing (1m) untuk menjaga kedaulatan negara (1m)

- 5 (a) (i) Maksud orang kurang upaya :
- Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat
- (ii) **Dua** hikmah beradab terhadap orang kurang upaya:
- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya (1m) kerana mendapat perhatian dan keistimewaan (1m)
  - Memupuk sifat kebersamaan (1m) terhadap semua golongan masyarakat (1m)
  - Melahirkan rasa syukur (1m) kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna (1m)
  - Memudahkan orang kurang upaya (1m) untuk melakukan urusan harian (1m)

***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.***

- (iii) Pendapat tentang cara untuk membudayakan penjagaan hak orang kurang upaya:

| Kriteria                                                                                                                                 | Skor |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| Menyatakan hujah sahaja                                                                                                                  | 1m   |
| Menjelaskan hujah beserta huraian ringkas                                                                                                | 2m   |
| Menghuraikan hujah beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi                                                 | 3m   |
| Merumus hujah beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik | 4m   |

**Cadangan jawapan :**

- Membela dan menghargai golongan kurang upaya
  - Meraikan mereka dengan melihat kekurangan bukan kelemahan tetapi keistimewaan
  - Memberikan hak sama rata dalam pelbagai aspek kehidupan
  - Tidak menyalahgunakan kemudahan golongan kurang upaya
  - Meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap orang kurang upaya yang masih rendah
- (b) (i) Maksud tawaduk :
- Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia
- (ii) **Dua** cara menanam sifat tawaduk dalam diri :
- Sentiasa muhasabah diri (1m) agar dapat memperbaiki kelemahan diri (1m)
  - Menyucikan **jiwa** (1m) dengan selalu berzikir mengingati Allah SWT (1m)
  - Membanyakkan mendengar dan menerima nasihat (1m) agar tidak mudah merasa sombong (1m)
  - Menghayati kisah para nabi (1m) dengan mencontohi iktibar sifat tawaduk mereka (1m)
  - Banyak bersyukur dan qanaah (1m) kerana menikmati nikmat yang Allah SWT berikan (1m)
- (iii) **Dua** contoh sifat tawaduk yang boleh dicontohi daripada Rasulullah SAW :
- Tawaduk dalam pergaulan (1m) – lemah lembut dan kasih sayang terhadap kanak-kanak / mengusap kepala kanak-kanak / meyantuni kanak-kanak (1m)
  - Tawaduk dalam rumah tangga (1m) – membantu isteri menguruskan hal rumah tangga / menjahit sendiri pakaian / melayani keluarga / menampal selipar (1m)
  - Tawaduk dalam pengurusan makanan (1m) – tidak membazirkan makanan / tidak mencela makanan (1m)

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023**

- 1 (a) (i) Maksud Fiqh al-Aulawiyat: Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.
- (ii) **Dua** prinsip asas dalam Fiqh al-Aulawiyat :
- Ada dalil.
  - Utamakan perkara yang diutamakan syarak.
- (iii) **Dua** kepentingan Fiqh al-Aulawiyat terhadap masyarakat :
- Tindakan terkawal.
  - Hasil kerja berkualiti.
- (b) (i) **Dua** jenis syirik :
- Jali/nyata.
  - Khafi /tersembunyi.
- (ii) **Dua** cara menghindari perbuatan syirik :
- Melaksanakan ibadah kepada Allah dengan ikhlas.
  - Menjauhi daripada melakukan tegahan dan larangan Allah
- (iii) Hujah :
- Orang yang melakukan syirik terhadap Allah bermakna dia telah menganggap di sana terdapat Tuhan yang lain selain Allah.
  - Perbuatan syirik balasannya adalah kemurkaan Allah dan akan dimasukkan ke dalam neraka, serta kekal didalamnya.
- (c) **Dua** jenis Qalqalah :
- (i) Qalqalah Sughro.
  - (ii) Qalqalah Kubro.

- 2 (a) (i) **Dua** cara iman seseorang boleh terbatal :
- Melalui perkataan.
  - Melalui perbuatan.
- (ii) **Dua** implikasi melakukan perkara yang membatalkan iman :
- Rosak segala amal soleh yang dilakukan.
  - Diharamkan masuk ke dalam syurga.
- (iii) Cadangan langkah :
- Mendalami ilmu Aqidah supaya dapat memahami batas Iman dan kufur
  - Mengenakan tindakan yang berat terhadap mereka yang murtad mengikut hukum Islam sebenar.
- (b) (i) Maksud al-Raqib :
- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluknya.
- (ii) **Dua** bukti Allah bersifat al-Raqib :
- Allah mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.
  - Allah mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.
- (iii) **Dua** kesan hamba yang beriman dengan sifat al-Raqib Allah :
- Menjadikan manusia sentiasa berwaspada dalam semua keadaan.
  - Berusaha melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.
- 3 (a) (i) Maksud haji Istilah :
- Mengunjungi baitullah pada bulan haji, untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.
- (ii) **Dua** syarat wajib haji :
- Islam
  - Baligh
- (iii) Hujah :
- Umat Islam dari seluruh dunia datang ke Mekah untuk menunaikan haji, menunjukkan ketaatan kepatuhan mereka kepada Allah.
  - Islam adalah agama yang mementingkan kesatuan serta perpaduan.
- (b) (i) Maksud korban :
- Menyembelih binatang ternakan al-An'am pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari tashriq.
- (ii) **Dua** jenis kecacatan binatang yang menyebabkan tidak sah korban :
- Cacat pada matanya.
  - Kaki tempang.
- (c) (i) Maksud perkahwinan menurut Islam :
- Akad yang menghalalkan persetubuhan lelaki dan perempuan menurut hukum syarak.
- (ii) **Dua** hikmah disyariatkan perkahwinan :
- Memenuhi tuntutan batin manusia.
  - Memelihara keturunan yang baik.
- (iii) Pemberian hantaran dalam Islam :
- Pemberian hantaran mestilah mengikut kemampuan kedua belah pihak.
  - Pemberian hantaran bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang.

- 4 (a) (i) **Dua** sumbangan Khalifah Abu Bakar dalam mempertahankan Islam :
- Memerangi golongan Murtad.
  - Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan negara.
- (ii) **Dua** pencapaian Khalifah Umar al-Khattab dalam bidang ekonomi :
- Berjaya mengemaskini Baitul mal.
  - Memantapkan cukai Jizyah.
- (iii) Huraian :
- Sebagai ketua perlu menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan.
  - Sebagai ketua bersedia menerima teguran, sekiranya terdapat kesalahan.
- (b) (i) **Dua** sumbangan Sultan Sulaiman al-Qanuni :
- Membuka Belgrade.
  - Membuka Algeria.
- (ii) **Empat** fakta sejarah kerajaan Uthmaniyyah :
- Tempoh pemerintahan 1299-1924.
  - Bilangan pemerintah 37 orang.
  - Asal nama kerajaan bersempena dengan nama Osman.
  - Pemerintah pertama ialah sultan Osman Bin Artegul.
- (iii) **Dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyyah :
- Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negeri yang tinggi.
  - Kelemahan sistem Pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir.
- 5 (a) (i) Maksud hasad :
- Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.
- (ii) **Dua** contoh sifat hasad yang berlaku dalam kalangan pelajar :
- Hasad terhadap kepintaran dan kepandaian seseorang.
  - Hasad terhadap tumpuan yang diberikan guru kepada pelajar lain.
- (iii) Huraian :
- Hasad boleh membawa kepada pergaduhan dan permusuhan.
  - Hasad menjadikan seseorang tidak bersyukur kepada nikmat Allah.
- (b) (i) **Dua** cara bersikap benar dalam tutur kata :
- Tidak berbohong dalam percakapan.
  - Jujur dalam percakapan.
- (ii) **Dua** sebab pelajar mengabaikan bercakap benar dalam kehidupan :
- Untuk mendapatkan kepuasan diri.
  - Sebagai helah untuk membela diri.
- (iii) Akibat mengabaikan tuntutan bersikap benar dalam kehidupan :
- Tidak mendapat kepercayaan orang ramai.
  - Sukar untuk mendapat kerjasama apabila diperlukan.
  - Menjatuhkan maruah diri sendiri.
  - Terdorong untuk melakukan perbuatan buruk.

1 (a) (i) Maksud perkataan bergaris :

- (1) Manusia
- (2) Orang yang paling bertakwa.

(ii) Tujuan tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa

- Mengerat hubungan agar perpaduan dapat dicapai
- Dapat menjalin hubungan baik dengan orang bukan Islam agar mereka tidak bermusuhan dengan orang Islam.
- Membuka ruang untuk berinteraksi sesama umat manusia dalam keadaan yang harmoni.

(iii) Impak kepada negara jika peribahasa tersebut diaplikasikan oleh setiap lapisan masyarakat  
Cadangan isi :

- Rakyat hidup harmoni tanpa kacau-bilau.
- Persefahaman antara kaum dapat dipupuk erat.
- Menyemai sifat tolong-menolong ketika keadaan yang memerlukan.

Contoh jawapan :

- Rakyat akan hidup harmoni tanpa kacau-bilau (isi :1 markah). Hal ini kerana semua akan bertoleransi dan membantu antara satu sama lain (huraian ringkas :1 markah). Kesannya, unsur kebencian dapat dikikis (huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menyemai semangat bantu-membantu supaya dapat membantu mereka yang memerlukan (ayat Kesimpulan :1 markah)

(b) (i) Maksud berdikari :berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.

(ii) Kelebihan berdikari dari aspek agama dan ekonomi:

Agama :

- Memartabatkan nilai Islam kerana dipandang tinggi oleh bangsa lain
- Meletakkan kemuliaan kepada penganut Islam kerana rajin berusaha kerana Allah

Ekonomi :

- Memperoleh sumber rezeki yang berkat hasil titik peluh sendiri
- Menjana punca pendapatan yang halal kerana berusaha tanpa jemu.

(iii) Mengaplikasi sifat sifat yang difahami dalam hadis :

Cadangan isi :

- Merancang jadual belajar sendiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya dengan guru atau ibubapa
- Dapat menyelesaikan masalah sendiri sebelum meminta bantuan orang lain.
- Dapat mengambil inisiatif dalam mengetuai kerja berkumpulan.
- Dapat membantu rakan atau ahli keluarga tanpa perlu menunggu tindakan mereka.

Contoh jawapan :

- Sebagai murid saya akan berusaha menyelesaikan masalah sendiri sebelum meminta bantuan orang lain untuk menyelesaikannya (Isi : 1 markah). Hal ini kerana, hanya saya yang memahami punca sesuatu permasalahan itu terjadi. (huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, saya dapat membangunkan keyakinan diri untuk menghadapi cabaran dengan lebih baik (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu, kita hendaklah berusaha tanpa mengharapkan bantuan orang lain supaya ia dapat diselesaikan dengan baik tanpa berpanjangan. (Ayat Kesimpulan : 1 markah)

- (c) (i) Ra nipis ( Tarqiq)
- (ii) Ra tebal ( Tafkhim)

2 (a) (i) Maksud nama Allah al-Jabbar ialah nama yang menunjukkan bahawa Allah Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak.

(ii) **Dua** kefahaman mengenai nama Allah al-Jabbar:

- Allah memiliki dan menguasai seluruh alam.Semua makhluk dalam pemerintahan Allah.
- Allah tidak boleh dipersoalkan perbuatannya. Setiap perbuatan Allah mengandung hikmah tersembunyi.

(iii) Hujah untuk menyokong pernyataan :

Cadangan isi :

- Menyedarkan manusia hanya Allah memiliki kuasa mutlak.
- Membentuk sikap rendah hati dalam kalangan manusia.
- Mendorong manusia bergantung sepenuhnya kepada Allah.

Contoh jawapan :

- Apabila seseorang beriman dengan sifat al-Jabbar, dia akan insaf bahawa segala kekuatan, kehebatan dan kejayaan yang dimiliki hanyalah pinjaman daripada Allah SWT. (Isi : 1 markah) Kesedaran ini akan mendorong individu bersikap tawaduk dan tidak memandang rendah orang lain. (Huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, akan timbul kesedaran manusia bahawa hanya Allah SWT yang memiliki kekuasaan mutlak (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu, kita hendaklah mewujudkan rasa takut dan gerun kepada Allah SWT supaya kita akan sentiasa tawaduk.

(b) (i) **Dua** nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah :

- Assalafussoleh
- Ahli Hadis
- Sawadu A'zam

(ii) Sejarah ringkas aliran Syiah :

- Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib dilantik sebagai Khalifah selepas Rasulullah.
- Mereka yakin bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang layak memegang jawatan khalifah.

(iii) Perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Muktazilah berkaitan isu al-Quran adalah makhluk ;

- Ahli Sunnah Wal Jamaah : Meyakini bahawa al-Quran merupakan kalam Allah yang bersifat Qadim
- Muktazilah : Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk bersifat hadis (baru)

(iv) Kesan jika masyarakat Islam tidak peka :

Cadangan isi :

- Terpesong daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
- Perpecahan akan berlaku kerana berlainan fahaman yang ekstrem.
- Mengancam keselamatan serta kestabilan negara
- Merosakkan kefahaman Islam dalam kalangan generasi muda

Cadangan jawapan :

- Perpecahan akan berlaku dalam kalangan umat Islam sehinggakan meruntuh perpaduan negara (Isi : 1 markah). Hal ini kerana, pelbagai aliran pemikiran akan melahirkan pengikut yang ekstrem dengan fahaman masing-masing (Huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, semua akan bertegang leher mempertahankan ajaran yang dibawa (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan penularan ajaran sesat supaya ia tidak membawa kesan yang teruk kepada Masyarakat (Ayat Kesimpulan : 1 markah baru)

3 (a) (i) Maksud judi ialah perbuatan yang melibatkan pertaruhan (1 markah) sesuatu yang berharga.

(ii) **Dua** contoh perbuatan yang melibatkan judi :

- Mempertaruhkan wang dalam sesebuah perlumbaan
- Membuat pertaruhan dalam menentukan kejuaraan / permainan.

(iii) Hujah untuk menyokong pernyataan :

Cadangan isi :

- Menghancurkan kestabilan kewangan sesebuah keluarga
- Mencetuskan konflik dan keruntuhan rumahtangga
- Memberi contoh buruk kepada anak-anak
- Menjauhkan diri dan keluarga daripada Rahmat Allah SWT.

Cadangan jawapan :

- Judi akan menghancurkan kestabilan kewangan sesebuah keluarga dengan mengganggu tanggungjawab memberi nafkah (Isi : 1 markah). Hal ini kerana penjudi akan sanggup menggadaikan harta, mencuri atau berhutang demi mendapatkan modal untuk berjudi (Huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, perkara akan membawa keluarga kekancah kemiskinan akibat menanggung hutang serta tiada simpanan pada masa depan (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu kita hendaklah menjauhkan diri daripada melakukan dosa besar kerana ia bukan sahaja memberi Kesan kepada diri malah keluarga dan orang sekeliling (ayat Kesimpulan : 1 markah)

(b) (i) Dua rukun faraid:

- Orang yang mewariskan harta
- Waris
- Harta pusaka

(ii) **Dua** jenis waris dalam pembahagian harta pusaka:

- Ashabul Furudh
- Asobah

(iii) **Dua** hikmah pensyariatan faraid:

- Membuat persediaan dengan memberi agihan yang adil kepada semua penerima faraid.
- Mengelakkan berlakunya salah faham yang akan menjejaskan hubungan keluarga.
- Mengeratkan hubungan silaturahim sesama keluarga kerana menerima harta pusaka mengikut syarak
- Memberi peluang waris menikmati kehidupan selepas mewarisi harta pusaka.

***Mana-mana jawapan yang berkaitan kelebihan faraid kepada penerimaan boleh diterima***

(c) Punca berlaku perkara tersebut :

Cadangan isi :

- Dokumen tuntutan tidak lengkap atau tidak sah.
- Kurangnya kesedaran dan ilmu tentang pengurusan harta selepas kematian (wasiat/ faraid).

- Pertelingkahan dan perebutan harta oleh waris.
- Kegagalan melantik pentadbir harta yang sah.

Cadangan jawapan :

- Ramai waris tidak menyedari keperluan dokumen yang lengkap dan sah adalah perlu dalam mengurus harta pusaka (Isi :1 markah) Hal ini kerana, ramai waris tidak menyimpan sijil kematian, surat beranak atau dokumen milikan harta dengan baik( huraian ringkas : 1 markah). Kesannya ia membawa kepada keadaan kegagalan mengesan waris yang sah atau berlakunya pertindihan tuntutan yang akan membawa kepada hal yang lebih rumit lagi. (huraian lanjut : 1 markah). Oleh yang demikian, kita hendaklah bersedia dengan ilmu mengurus harta selepas kematian supaya harta dapat diuruskan dengan adil dan sah tanpa menjejaskan hubungan kekeluargaan (ayat Kesimpulan : 1 markah).

4 (a) (i) **Dua** hasil karya Imam Abu Hanifah :

- Al-Faraid
- Fiqh Akbar
- Al-‘Alim wal Muta’alim

(ii) Cara mencontohi tokoh yang disebut:

Cadangan isi :

- Berpegang teguh dengan prinsip keadilan dan kebenaran.
- Mengamalkan sifat keberanian dengan penuh hikmah dan bijaksana.
- Menolak rasuah dan tidak bersekongkol dengan penyelewengan kuasa.
- Menjadikan kisah perjuangan nabi dan ulama terdahulu sebagai salah satu panduan hidup

Cadangan jawapan :

- Saya akan menjadikan kisah perjuangan nabi dan ulama terdahulu sebagai salah satu panduan hidup. (Isi :1 markah) Hal ini kerana tokoh-tokoh ini mempamerkan sifat mempertahankan kebenaran berlandaskan nilai ilmu yang dimiliki serta membuktikan kesabaran dan iman yang kuat. (huraian ringkas : 1 markah ). Contohnya Nabi Musa AS yang berhadapan dengan Firaun atau Imam Ahmad Hanbal yang mempertahankan akidah dalam tekanan politik (huraian lanjut : 1 markah) Oleh itu, kita hendaklah berpegang teguh dengan prinsip keadilan dan kebenaran agar Islam dapat ditegakkan (ayat kesimpulan :1 markah)

(b) (i) **Dua** hasil karya Imam Hassan al-Banna:

- Al-Mathurat
- Risalah at-Ta’alim
- Muzakirat dakwah wal dai’iyah

(ii) **Dua** ketinggian akhlak Imam Hassan al-Banna yang menjadi pemangkin kejayaan dakwah Islam:

- Memuliakan orang-orang warak dan soleh dengan berguru dengan guru-guru yang masyhur seperti Yusuf Qardawi dan Sayyid Qutb.
- Gigih menggerakkan usaha dakwah dengan mengetuai organisasi pertubuhan Ikhwanul Muslimin.
- Menghasilkan karya yang menjadi rujukan umat Islam seperti al-Mathurat dan Risalah al-Ta’alim

**Jawapan mestilah berbentuk ayat penyata yang lengkap dan mempunyai isi.**

- (c) (i) **Dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbaasiyah dari aspek pendidikan :
- Aktiviti penterjemahan bahasa asing ke bahasa arab memudahkan pemahaman dan penguasaan pelbagai bidang ilmu
  - Lahirnya ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang dengan berkembangnya sumber ilmu pengetahuan
  - Pemberian biasiswa oleh khalifah memberi galakan ramai untuk mengikuti pengajian
  - Pusat pengajian dan menuntut ilmu yang pelbagai seperti istana, masjid dan perpustakaan, ia memudahkan rakyat mendapat akses pendidikan.

- (ii) **Dua** sumbangan khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan:
- Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal
  - Wujudnya perkhidmatan pos berkuda
  - Cap mohor rasmi Kerajaan diperkenalkan
  - Penubuhan jabatan setiausaha, jabatan cukai, dan jabatan urusan awam
  - Memperkasa armada laut

5 (a) (i) Maksud keadilan ialah meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana (1 markah), masa dan tempat (1 markah).

- (ii) **Dua** aspek keadilan :
- Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya.
  - Mengambil pendekatan pertengahan yang seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem.

- (iii) **Dua** ciri umat yang cemerlang :
- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan mengurangkan kemiskinan.
  - Mencegah daripada melakukan kezaliman, kerosakan dan kekejaman.
  - Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredhaan Allah.
  - Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah.

(b) (i) Maksud istiqamah ialah ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya

- (ii) **Dua** contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:
- Istiqamah dalam Ibadat. Baginda SAW tidak jemu memohon keampunan Allah meskipun baginda seorang yang maksum dengan beristigfar 70 kali setiap hari
  - Istiqamah dalam Berdakwah. Rasulullah tetap menyebarkan dakwah walaupun menghadapi pelbagai dugaan. Sifat istiqamah baginda menyebabkan tidak sedikit pun berganjak meskipun digantikan dengan kesenangan dunia

(iii) Contoh amalan yang boleh dilakukan untuk menjadi seorang yang istiqamah:

Cadangan isi :

- Menjaga solat lima waktu secara konsisten.
- Membaca Al-Quran setiap hari walaupun sedikit.
- Berdoa dan bermuhasabah diri secara tetap.
- Menjauhi maksiat secara berterusan walaupun perkara kecil.

Cadangan jawapan :

- Saya akan beristiqamah dengan membaca al-Quran setiap hari meskipun sedikit (Isi : 1 markah) Hal ini kerana al-Quran ini membantu hati kekal lembut dan dekat dengan petunjuk Allah. (Huraian ringkas : 1 markah) Contohnya membaca satu ayat atau dua ayat selepas solat fardu secara berterusan (Huraian lanjut : 1 markah) Oleh itu kita hendaklah berusaha dengan penuh konsisten membudayakan al-Quran dalam kehidupan kerana ia merupakan petunjuk dari Allah SWT kepada umat manusia (ayat Kesimpulan : 1 markah).

### **KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 SET 1**

- 1 (a) (i) – Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.  
– Menghina dan mengejek sunnah Rasulullah SAW.  
– Menghina golongan ulama dan orang soleh.  
– Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.  
– Menyanjung perbuatan maksiat.  
– Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.
- (ii) – Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat.  
– Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW.  
– Meningkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat demi menjamin keutuhan akidah.  
– Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah.  
– Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.  
– Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.
- (iii) – Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama (1m) supaya iman terpelihara (1m).  
– Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan menjadikan agama sebagai alat permainan dan gurauan ialah sebahagian daripada tipu daya syaitan (1m) supaya iman terpelihara (1m).  
– Kita hendaklah memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah (1m) supaya mereka kembali bertaubat (1m).  
– Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat kepada orang yang mempersendakan agama (1m) supaya terpelihara daripada kesesatan (1m)  
– Kita hendaklah mempertahankan kesucian agama Islam (1m) supaya hidup dirahmati Allah SWT (1m).
- (b) (i) berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.  
(ii) Penggembala kambing / Peniaga / Pedagang.  
(iii) – Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal (1m) / walaupun hasilnya sedikit. (1m)  
– Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung kepada orang lain (1m) / demi memelihara kemuliaan dan maruah diri. (1m).  
– Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran (1m) / untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. (1m)  
– Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan (1m) / agar hidup dirahmati. (1m)

- (iv) Mempunyai semangat berdikari yang tinggi, kerana tidak menjadikan kekurangan fizikal sebagai alasan untuk tidak bekerja. Ini membuktikan OKU juga mampu produktif dan berdaya saing. Oleh itu, kita hendaklah Mengubah persepsi terhadap keupayaan OKU kerana keterbatasan fizikal bukan penghalang untuk berjaya.
- (c) 1) Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf  
2) Mad Lazim Kalimi Musaqqal
- 2 (a) (i) Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan Mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya.
- (ii) – Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya.  
– Allah SWT Maha Saksi dan Menghitung segala amalan perbuatan manusia.  
– Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.  
– Allah SWT menjadi saksi pembunuhan orang-orang munafik.
- (iii) Seorang pekerja muslim akan melaksanakan tugasnya dengan teliti walaupun ketika tiada pengawasan ketua. Hal ini kerana, keyakinan kepada Allah SWT mengawasi semua perbuatan. Kesannya, memupuk amalan kebaikan yang tulen tanpa mengharapkan pujian manusia. Oleh itu, kita hendaklah menjadi pekerja yang amanah dan berintegriti untuk mendapat keberkatan dalam mencari rezeki yang halal.
- (b) (i) Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah (1m)/ menerusi para sahabat dan tabiin serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak. (1m).
- (ii) Al Salaf as Soleh / As Sawad al Aa'zam / Al Asya'irah / Al maturidiah / Ahlu Al hadis.
- (iii)
- | Isu               | ASWJ                                                                                                         | Khawarij                                                                                                                      |
|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pelaku dosa besar | Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasiq jika tidak bertaubat.            | Pelaku dosa besar dianggap kafir                                                                                              |
| Kedudukan Iman    | Mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan. | Iman tidak boleh bertambah dan berkurang . Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran. |
- (iv) – Menjadi Asas penerimaan sesuatu amalan (1m) kerana mengamalkan syariat Islam dalam kehidupan (1m).  
– Mendapat keredhaan Allah (1m) kerana mengamalkan ajaran Islam sebenar.  
– Menghindarkan umat Islam daripada kefahaman melampau.  
– Menjamin keamanan negara (1m) kerana mempunyai fahaman yang benar (1m).  
– Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan (1m) dengan menjadikan al Quran dan hadis sebagai panduan hidup.  
– Mengelak umat Islam terjebak dengan ajaran sesat (1m) yang bercanggah dengan Islam.  
– Memelihara kesucian Islam (1m) kerana mengamalkan perintah-Nya (1m).
- 3 (a) (i) Ijab dan kabul dalam urusan perniagaan dan kewangan.  
(ii) Pihak yang berakad / Sesuatu yang diakadkan / Sighah.

- (iii) – Riba iaitu pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang.
  - Gharar iaitu kesamaran dalam urusan muamalat yang tidak dibenarkan oleh syarak.
  - Judi iaitu perbuatan melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga / Dharar iaitu setiap perkara yang membawa kerosakan.
  - (iv) Riba menghancurkan ekonomi. Hal ini kerana, Islam telah melarang perbuatan riba dalam semua aspek. Kesannya, keadilan dalam mengagihkan sumber ekonomi dalam kalangan sejagat. Kesimpulannya, kita hendaklah menjauhi perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam agar hidup terus maju dan berkat.
  - (b) (i) Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seseorang isteri (1m) selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami (1m).
  - (ii) Wajib.
  - (iii) – Belum putus haid: 3 kali suci - Belum pernah disetubuhi: Tiada iddah.
  - (iv) – Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan.
  - Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak.
  - Berhias diri kecuali wanita yang dalam idah raji'e.
- 4 (a) (i) – Muawiyah Bin Abi Sufian / Abdul Malik Bin Marwan / Al-Walid Bin Abd Malik / Umar Bin Abdul Aziz.
- (ii) – Mengecualikan bayaran cukai Jizyah terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam.
- Mengeluarkan arahan rasmi kepada Shihab al-Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah SAW.
- Membina rumah transit untuk para pedagang.
- Menaikkan taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jambatan, perigi, jalan raya dan sistem pengangkutan awam.
- Mengasaskan dewan penasihat yang dianggotai oleh para ulamak untuk memberikan nasihat kepada khalifah.
- (iii) – Pemilihan Damsyik yang strategi sebagai pusat pemerintahan oleh khalifah Muawiyah bin Abi Suffian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran negara.
- Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah.
- Berjaya meluaskan wilayah Islam di Rom, China, India, Afrika dan Eropah.
- (b) (i) – Hasan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad al-Banna.
- Tarikh lahir: 25 syaaban 1323H/14 oktober 1906.
- Tarikh wafat: 1368H / 12 Februari 1949.
- (ii) – Mengasaskan Penubuhan Ikhwanul Muslimin.
- Menghasilkan karya yang agung seperti Muzakarah Al-Dakwah Waddaiyah, Risalatul Ta'alim, Al-Mathurat.
- (iii) Seimbang dunia dan akhirat dengan memanfaatkan masa untuk menuntut ilmu pengetahuan. Kesannya, menjadi Muslim yang mampu dan berani mempertahankan prinsip. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berpegang teguh pada kebenaran supaya tidak mudah goyah dengan tekanan dan cabaran yang mendatang.

- 5 (a) (i) Pendekatan yang sederhana, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
- (ii) – Aspek kesederhanaan / Aspek keseimbangan / Aspek keadilan / Aspek kecemerlangan.
  - (iii) – Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah.
    - Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh.
    - Melakukan ibadah dengan ikhlas.
- (b) (i) Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.
- (ii) – Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah.
    - Dikasihi oleh masyarakat kerana tidak bersikap sombong.
    - Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling menghormati antara satu sama lain.
    - Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur.
    - Membudayakan sikap merendah diri demi kepentingan Islam.
  - (iii) Sikap merendah diri di kala mempunyai pangkat dan darjat agak sukar diamalkan. Hal ini kerana, tawaduk memerlukan seorang Muslim yang sentiasa berpuas hati dan menerima dengan lapang dada apa sahaja sikap atau layanan orang kepadanya. Kesannya, mereka tidak akan sombong dan berbangga diri. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri dan bersyukur atas rezeki yang dikurniakan supaya sentiasa dekat dengan Allah SWT.

### **KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 SET 2**

- 1 (a) (i) – Sistem dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut. (1m)
- (ii) – Bersifat kekal dengan izin Allah.
    - Merangkumi semua makhluk
    - Berasaskan konsep sebab, musabab dan akibat.
  - (iii) – Kita hendaklah meyakini Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia [I] bersesuaian dengan peraturan dan ketetapannya. [H]
    - Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi [I] supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah. [H]
    - Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu [I] agar menjadi pedoman dalam kehidupan. [H]
    - Kita hendaklah meyakini al-Quran petunjuk kebenaran [I] bagi orang yang beriman dan bertakwa. [H]
    - Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa [I] ketika menerima ujian dalam kehidupan. [H]
    - Kita hendaklah menjaga keimanan [I] agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. [H]
- (b) (i) Tanggungjawab suami / Tanggungjawab isteri / Tanggungjawab pekerja / Tanggungjawab anak.

- (ii) – Mengikut arahan ketua.
- Bekerja dengan penuh integriti.
- Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Melaksanakan tugas dengan sempurna.
- (iii) – Hasil kerja tidak berkualiti.
- Suasana kerja yang tidak harmoni.
- Hubungan antara pekerja dan majikan menjadi renggang.
- (iv) Menyedari bahawa setiap individu berperanan sebagai pemimpin. Bertanggungjawab dengan orang yang dipimpin dengan adil dan amanah. Kesannya, akan menjadikan seseorang yang amanah dengan tugas. Oleh itu, kita hendaklah berusaha menjadi seorang pemimpin yang adil dan amanah supaya mendapat keberkatan daripada Allah SWT.
- (c) 1) Ibtida' Hasan
- 2) Ibtida' Qabih

2 (a) (i) Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. (1m)

- (ii) – Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran
- Allah menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan dengan kemarau yang panjang kepada golongan yang menolak dakwah Rasulullah SAW
- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.
- (iii) Kolaborasi dengan pihak polis supaya aktiviti buli dapat ditangani. Hal ini kerana, pihak sekolah dan pihak polis perlu bekerjasama dalam usaha menangani kes buli di kalangan pelajar. Kesannya, penurunan kes buli. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mendidik pelajar supaya memahami kesan buruk perbuatan buli dan mengamalkan sikap toleransi serta kasih sayang dalam pergaulan seharian.
- (b) (i) Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin 'Ata' setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.
- (ii) – Al-Tauhid: Menafikan sifat ma'ani pada zat Allah SWT.
- Al-'adlu: Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT.
- Al-wa'du wal Wa'id: Meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat.
- Al-Munzilah baina al-Munzilat: Meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal dalam neraka.
- Al-amru bil ma'ruf wal nahi anil munkar: Meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun.

| (iii) | Isu               | ASWJ                                                                                                                                                                             | Muktazilah                                                                                             |
|-------|-------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|       | Qada' & Qadar     | Meyakini bahawa perkara baik dan buruk datang daripada Allah SWT dan Allah SWT mengurniakan manusia akal untuk berfikir dengan berikhtiar untuk memilih antara baik dengan buruk | Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datangnya dengan manusia semata-mata.                    |
|       | Pelaku dosa besar | Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasiq jika tidak bertaubat.                                                                                | Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal dalam neraka. |

3 (a) (i) Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.

(ii) Harus.

- (iii) – Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia.  
 – Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah.  
 – Segala urusan dalam muamalah Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam.  
 – Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik.  
 – Mendapat keredhaan Allah SWT kerana melakukan suruhannya dan meninggalkan larangannya dalam urusan harian.

(b) (i) Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri (1m) tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak (1m).

| (ii) | Anak angkat                      | Anak Kandung               |
|------|----------------------------------|----------------------------|
|      | Tiada hak pewarisan harta pusaka | hak pewarisan harta pusaka |
|      | Tiada hak wali                   | Ada hak wali               |
|      | Tiada hak nasab                  | Ada hak nasab              |

(iii) Islam mengiktiraf pengambilan anak angkat untuk memenuhi hasrat pasangan yang tidak memiliki anak sendiri. Kesannya, memberi peluang kepada anak angkat bagi mendapat kasih sayang dan penjagaan yang sempurna. Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha mengikut garis panduan syariat untuk memelihara hak semua pihak.

4 (a) (i)

(a) Imam Malik r.a :

- Nama penuh: Malik bin Anas al-Madani
- Tarikh lahir: 93 hijrah di Madinah
- Tarikh wafat: 179 hijrah
- Kuniyah: Abu Abdullah

(b) Imam Abu Hanifah r.a :

- Al-Nukman bin Tabit al-Kufi
- Tarikh lahir: 80 hijrah di Kufah
- Tarikh wafat: 150 hijrah
- Kuniyah: Abu Hurairah

- (ii) – Menghasilkan karya: Kitab al-Muwatta’
- Mengasaskan mazhab berasaskan amalan penduduk Madinah, Qias dan Mushalah al-Mursalah.
- (iii) Sanggup berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu kerana berpegang pada prinsip iaitu “seseorang itu tidak akan sampai kepada apa-apa yang dihajati daripada ilmunya sehingga dia benar-benar sanggup berkorban dalam apa-apa jua keadaan.
- (iv) Dengan mempunyai keteguhan pendirian dan prinsip dalam menuntut ilmu. Hal ini, akan membawa kepada pengamalan ilmu yang dipelajari. Kesannya, menjadi seorang yang bertanggungjawab dalam pembelajaran. Kesimpulannya, kita hendaklah contohi keteguhan Imam Ahmad agar memperolehi kejayaan di dunia dan di akhirat.
- (b) (i) – Asal nama kerajaan: bersempena nama Uthman bin Ertughrul, iaitu pengasas Kerajaan Uthmaniyyah.
- Tempoh pemerintahan 1299M – 1924M
- Kawasan pemerintahan meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.
- (ii) – Sultan Uthman bin Ertughrul
- Sultan Murad I
- Sultan Muhammad Al-Fatih
- Sultan Sulaiman al-Qanuni
- (iii) – Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
- Kita hendaklah sentiasa memperbanyakkan penerokaan ilmu agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
- Kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cintakan negara agar rela berkorban mempertahankannya daripada serangan musuh.
- Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam supaya hidup diberkati oleh Allah SWT.

- 5 (a) (i) – Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.
- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit.
- (ii) – Mendoakan kesihatan mereka.
- Membantu mereka yang ingin melakukan ibadah.
- (iii) – Menggembirakan pesakit (1m) agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT. (1m)
- Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat (1m) agar hidup diberkati Allah SWT. (1m)
- Melahirkan keinsafan (1m) kerana diberikan nikmat kesihatan. (1m)
- (iv) Penjagaan orang sakit memerlukan ilmu dan teknik supaya kebajikan orang sakit terjaga. Hal ini kerana, emosi, mental dan fizikal orang sakit memerlukan perhatian yang berbeza. Kesannya, memberi semangat dan motivasi agar mereka sabar dan redha. Kesimpulannya, kita hendaklah menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT.
- (b) (i) Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.
- (ii) – Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu (1m) agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah (1m)
- Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT (1m) agar dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan (1m)

- Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para rasul (1m) yang istiqamah melakukan kebaikan (1m)
- Sentiasa muhasabah diri (1m) agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan
- Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah (1m) supaya menjadi amalan dalam kehidupan (1m)
- Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin (1m) dalam melakukan kebaikan.
- (iii) – Istiqomah dalam ibadat (1m) , baginda tidak jemu memohon keampunan dari Allah SWT (1m) / Sentiasa beristighfar / bertaubat lebih dari 70 kali sehari.
- Istiqomah dalam berdakwah (1m), baginda tetap berdakwah menyebarkan Islam walau diancam (1m) / tetap tegas berdakwah walau digantikan habuan dunia (1m)

### **KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 SET 3**

- 1** (a) (i) Janganlah kamu makan harta orang lain dengan cara yang salah.
- (ii) Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.
- (iii) – Meminta atau menerima rasuah.
- Menawarkan atau memberikan rasuah.
- Menyalahkan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu.
- Mengemukakan tuntutan palsu.
- (iv) Tekanan kewangan dan kos sara hidup. Hal ini kerana, bebanan hutang yang tinggi mendorong mereka terlibat dengan rasuah. Contohnya, kes pegawai kerajaan yang menerima suapan untuk meluluskan tender projek kerajaan. Oleh itu, kerajaan perlu menjaga kebajikan penjawat awam supaya kegiatan rasuah dapat dibendung.
- (b) (i) Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh.
- (ii) – Melarikan diri daripada pasukan yang sedang bertempur menghadapi serangan musuh.
- Enggan mempertahankan negara apabila diarahkan.
- (iii) – Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara supaya Islam dapat ditegakkan.
- Kita hendaklah sentiasa menanam nilai keberanian dan tanggungjawab terhadap negara agar kesejahteraan dan keamanan negara terjaga.
- Kita hendaklah sentiasa menghayati pengorbanan tokoh-tokoh dahulu supaya menjadi sumber inspirasi dalam mempertahankan negara.
- (c) 1) Mad Lazim Harfi Mukhaffaf
- 2) Mad Lazim Harfi Musaqqal
- 2** (a) (i) – Melalui iktikad
- Melalui perbuatan
- Melalui Tingkah laku
- (ii) – Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta (al-Khalik)
- Mengingkari kenabian dan kerasulan salah seorang atau semua nabi dan rasul.
- Mengingkari hari kiamat atau peristiwa yang berlaku di Mahsyar dan pembalasan syurga dan neraka.

- (iii) Perkembangan teknologi digital memberi cabaran besar kepada pemeliharaan iman. Hal ini kerana, media sosial dan internet menyebarkan pelbagai ideologi dan pemikiran yang boleh menggugat akidah. Kesannya, remaja mudah terdedah kepada kandungan yang bertentangan dengan akidah Islam. Oleh itu, setiap Muslim perlu memainkan peranan dalam memperkukuhkan benteng iman masing-masing agar terhindar daripada fahaman sesat.
  - (b) (i) Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib r.a dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) / dan berkeyakinan bahawa hanya ahlul bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah. (1m)
  - (ii)
    - Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan rasulnya secara nas.
    - Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar.
    - Menyanjung Sayyidina Ali r.a secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.
    - Mengamalkan al-taqiyyah iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya.
    - Menambah nama Sayyidina Ali dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.
  - (iii)
    - Mendapat keredhaan Allah SWT.
    - Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan.
    - Memelihara kesucian agama Islam.
    - Menjamin keamanan negara.
    - Menghindari umat Islam daripada fahaman yang melampau.
    - Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan.
- 3 (a) (i) Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara yang tertentu.
- (ii)
    - Bilangan rakaat : 2 rakaat
    - Cara pelaksanaan : dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau bulan dan digalakkan secara berjemaah.
  - (iii) Kemudahan ini memberi peringatan tentang waktu gerhana dengan mudah. Hal ini akan menggalakkan pelaksanaan solat gerhana. Kesannya, masyarakat akan terbiasa melaksanakan solat sunat gerhana. Kesimpulannya, kita hendaklah menggunakan ilmu pengetahuan yang terkini agar amalan yang disyariatkan oleh Allah SWT dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- (b) (i) hukuman keseksaan yang tidak ditetapkan jenis dan bentuk dalam al-Quran dan Sunah /1m sebaliknya diputuskan oleh mahkamah. /1m
- (ii)
    - Teguran / amaran
    - Denda
    - Penjara
    - Sebatan
    - Hukuman mati
    - Buang daerah
  - (iii)
    - Kesalahan minum arak hukumannya disebat 40 kali sebatan
  - (iv)
    - Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia agar dapat hidup dengan sejahtera.
    - Mendidik dan menghukum bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan.
    - Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian bagi masyarakat dan negara.
    - Merencanakan pertumbuhan ekonomi tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian.

- 4 (a) (i) – Memindahkan pusat pentadbiran dari Damsyrik ke Baghdad.
- Menaik taraf sistem cukai
  - Membina sistem pengairan dan saliran
  - Membina Masjid as-Syarqiyyah sebagai pusat aktiviti dakwah.
  - Membina hospital di Baghdad.
  - Memperkukuhkan kekuasaan terhadap wilayah Byzantin.
- (ii) – Kebijaksanaan khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadikan Baghdad sebagai pusat pentadbiran negara.
- Pemberontakan dan perbalahan golongan syiah di Baghdad dan golongan utara dan selatan Syiah berjaya dihapuskan.
  - Kestabilan politik kerajaan Abbasiyyah mendorong khalifah memajukan negara.
- (iii) – Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui kepimpinan supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
- Kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran agar menjadi contoh ikutan terbaik.
  - Kita hendaklah memanfaatkan sumber yang ada dengan bijaksana agar mampu bersaing di peringkat global.
  - Kita hendaklah memiliki perasan cinta akan negara dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri.
  - Kita hendaklah mengeratkan perpaduan antara kaum agar keharmonian terpelihara.
- (b) (i) – Nama penuh: Ahmad bin Muhammad Ibrahim.
- Tarikh lahir: 15 Mei 1916.
  - Tarikh meninggal dunia: 17 April 1999.
  - Gelaran: Profesor Emeritus Tan Sri Doktor.
- (ii) – Pelopor kepada jurnal hukum
- Menghasilkan buku-buku yang berkaitan dengan undang-undang di Malaysia: sistem undang-undang Malaysia, Islamic Law in Malaysia.
  - Menghasilkan buku-buku undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan Family Law in Malaysia.
- (iii) Menerapkan nilai-nilai Islam dalam kepimpinan pelajar dengan membina jaringan dengan institusi-institusi Islam. Kesannya, dapat mengikuti perkembangan semasa berkaitan isu-isu perundangan Islam. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mempelajari asas-asas perundangan Islam supaya masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
- 5 (a) (i) Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.
- (ii) – Benar dalam tutur kata.
- Benar dalam niat dan kemahuan.
  - Benar dalam keazaman dan cita-cita
  - Benar dalam tugas.

- Benar dalam menepati janji.
- (iii) Menguasai kemahiran mencari sumber yang sahih dengan membandingkan maklumat dari pelbagai sumber. Kesannya, dapat membezakan antara fakta dan pendapat sebelum kongsi maklumat. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menggunakan media sosial untuk menyebarkan kesedaran kepada masyarakat lain.
- (b) (i) Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.
- (ii)
  - Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna agar tidak terancam dan pupus.
  - Sentiasa memelihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok bakau.
  - Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar seperti bergotong-royong membersihkan kawasan rumah dan asrama.
  - Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.
- (iii)
  - Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan.
  - Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa kerana melihat keindahan alam.
  - Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar.
  - Melestarikan alam sekitar yang indah untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang.
  - Meningkatkan pendapatan kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan.